

22/02/1998

Kerinci Link: UM anggap belum berakhir

KUALA LUMPUR: Universiti Malaya (UM) menganggap isu pembinaan lebuh raya bertol Kerinci Link masih belum selesai, meskipun Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, memberi jaminan lebuh raya itu tidak akan melalui kawasan Masjid Ar-Rahman dan bangunan Fakulti Undang-Undang universiti itu.

Timbalan Naib Canselor UM (Akademik), Prof Datuk Dr Osman Bakar, berkata pengurusan universiti melihat perkara itu secara menyeluruh dan bukan sekadar kerana bantahan pelajar dan kakitangan akademiknya.

"Jika ia hanya membabitkan masjid dan fakulti, kita sudah boleh menyelesaikan isu itu kerana Samy Vellu sudah meminda jalan itu supaya tidak melalui kawasan berkenaan.

"Tetapi, ia membabitkan pelan keseluruhan yang tentu membabitkan universiti sama ada secara langsung atau tidak," katanya selepas majlis penyampaian sijil Rancangan Persediaan Khas (Jepun), semalam.

Menurutnya, Naib Canselor UM, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad, akan membincangkan perkara itu apabila mengadakan mesyuarat dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kerja Raya, esok.

Dr Osman diminta mengulas kenyataan Samy Vellu semalam bahawa lebuh raya Kerinci Link yang menimbulkan bantahan pelbagai pihak, tidak akan melalui kawasan Masjid Ar-Rahman dan Fakulti Undang-Undang UM.

Menurut Samy Vellu, pindaan laluan asal Kerinci Link dibuat selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan EPU, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pendidikan membuat kajian semula.

Mengikut pelan asal, lebuh raya itu bermula dari Lebuh Raya Persekutuan melalui persimpangan bertingkat Kampung Kerinci, merentasi kawasan di antara Masjid Ar-Rahman dan bangunan baru fakulti Undang-Undang dan seterusnya di pinggir kawasan UM/Bukit Pantai menuju Jalan Bukit Kiara.

Cadangan Pembinaan Kerinci Link bernilai RM1.3 bilion yang turut mengandungi plaza tol sembilan lorong itu, adalah sebahagian daripada Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint).

Kelmarin, kira-kira 2,000 penduduk sekitar Lembah Pantai termasuk warga UM mengadakan demonstrasi secara aman di perkarangan Masjid Ar-Rahman bagi membantah projek lebuh raya Kerinci Link.

Mengenai cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya pelajar bekerja separuh masa dalam keadaan ekonomi sekarang, Dr Osman berkata:

"UM menyediakan sistem yang sangat liberal dengan mengizinkan pelajar menyempurnakan kursus selama maksimum lapan tahun.

"Selepas kita menukar sistem semester pada sesi 1996/97, pelajar diizinkan berbuat demikian berbanding sebelumnya. Sebelum ini pelajar diizinkan menangguhkan pengajian hanya atas sebab kesihatan," katanya.

Sambil mengalu-alukan kenyataan Anwar itu, Dr Osman berkata pelajar persendirian mungkin berminat untuk menangguhkan pengajian mereka bagi membiayai pengajian mereka.

"Bagi pelajar yang ditaja syarikat korporat dan agensi kerajaan, mereka mungkin dikehendaki menyiapkan pengajian lebih awal. Bagaimanapun, sistem akademik universiti kini membolehkan pelajar menyiapkan pengajian minimum tiga tahun dan maksimum lapan tahun," katanya.

(END)